

LAPORAN SOKONGAN TEKNIKAL ICT

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Universiti (MKSP) berkenaan laporan Sokongan Teknikal ICT bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

2. LATAR BELAKANG

Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) adalah Pusat Tanggungjawab yang bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan sokongan teknikal ICT kepada bisnes operasi Universiti secara menyeluruh.

iDEC juga terlibat secara tidak langsung dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) UPM.

3. SOKONGAN TEKNIKAL ICT

Sokongan Teknikal ICT yang diberikan oleh iDEC dalam menjayakan pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) terbahagi kepada 2 bahagian:

a. Infrastruktur ICT

iDEC menyediakan sokongan infrastruktur ICT dalam aspek Rangkaian Intranet dan Internet UPMNet yang merupakan perkhidmatan yang sangat penting bagi memastikan ketersediaan capaian ke Sistem aplikasi yang terlibat dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

b. Infostruktur ICT

iDEC menyediakan sokongan infostruktur ICT dalam aspek penyediaan dan penggunaan sistem aplikasi yang dibangunkan bagi menyokong pelaksanaan Objektif Sistem Pengurusan Alam Sekitar(EMS).

Antara sistem aplikasi yang dibangunkan yang menyokong objektif Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) adalah seperti berikut:

- i. Sistem Aplikasi e-Document seperti reg.upm.edu.my/eISO dan portalcqa.upm.edu.my. Sistem Aplikasi tersebut merupakan sistem penyimpanan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pengurusan kualiti UPM yang disimpan dan diurus secara elektronik dengan konsep *paperless* selaras dengan objektif EMS yang pertama iaitu Penjimatan Penggunaan Kertas;
- ii. Sistem Aplikasi komunikasi e-mail
Sistem Aplikasi komunikasi pula pihak iDEC telah menggunakan google app gmail sebagai platform komunikasi secara elektronik.

Pihak iDEC juga menggalakkan semua warga UPM meletakkan pernyataan

***Please don't print this e-mail unless you really need to and
"Please consider the environment before printing"***

Penyataan tersebut menyarankan pengguna email agar tidak mencetak email dengan sewenangnyanya.

4. CADANGAN MASA HADAPAN.

Pihak iDEC mencadangkan agar penggunaan Internet of Things (IoT) diterapkan dalam pelaksanaan objektif kedua EMS iaitu Penjimatan Tenaga Elektrik dengan cara pelaksanaan sensor yang lebih efektif dan lebih Eco-Greenergy seperti menggunakan tenaga solar dan angin dalam menghasilkan tenaga elektrik.

5. KESIMPULAN

Ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) adalah diminta untuk mengambil maklum dengan laporan Sokongan Teknikal ICT dalam menyokong pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) secara amnya dan Objektif EMS khususnya.